



Soalan Lazim

Adakah kesemua PBT di negeri Sabah terletak di bawah bidang tugas Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan (KKT&P)?

Kesemua PBT terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Bidang tugas KKT&P adalah untuk menyelaraskan PBT-PBT tersebut dari segi penyeragaman dasar dan perundangan, memberi khidmat nasihat termasuk khidmat nasihat teknikal dan penyaluran peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Di manakah saya boleh mendapatkan borang permohonan lesen berniaga dan lesen perniagaan?

Borang permohonan lesen berniaga boleh didapati di kaunter pejabat Majlis Daerah Semporna dan lesen perniagaan boleh didapati di kaunter Pejabat Daerah Semporna.

Apakah itu Cukai Taksiran ?

Cukai adalah cukai yang dikenakan ke atas pemilik dan penghuni pegangan berkadar yang terletak di dalam kawasan bidang kuasa Majlis Daerah Semporna.

Kenapa perlu membayar Cukai Taksiran?

Kutipan dari cukai pintu adalah perlu untuk menampung perbelanjaan Majlis Daerah Semporna dalam menyediakan perkhidmatan seperti penyelenggaraan, taman rekreasi, pemotongan rumput, lampu jalan dan tempat kemudahan awam untuk kesejahteraan masyarakat.

Apakah perbezaan Lesen Perniagaan dan Lesen Berniaga?

Lesen Perniagaan adalah lesen yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Kerajaan Negeri dan Lesen Berniaga adalah lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah (PBT) mengikut daerah masing-masing.

